

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**SOALAN 10 (A141)**

Apakah punca kejadian lampu isyarat tidak berfungsi secara serentak di Kulai dan Skudai pada 27 Mac 2026? Apakah tindakan yang telah diambil dan penambahbaikan terhadap kelemahan sistem konsesi ini?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Kejadian lampu isyarat tidak berfungsi secara serentak di kawasan Kulai dan Skudai pada 27 Mac 2026 sekitar jam 6.30 pagi adalah berpunca daripada pengaktifan mod keselamatan (fail-safe mode) dalam sistem kawalan lampu isyarat oleh pihak konsesi. Keadaan ini berlaku apabila sistem mengesan operasi yang tidak normal susulan aktiviti capaian rangkaian luar yang tidak sah secara umum (opportunistic network activity) terhadap beberapa komponen sistem.

Sehubungan itu, sistem telah bertindak secara automatik mengaktifkan mekanisme perlindungan dalaman (system lockdown), seterusnya menyebabkan beberapa lampu isyarat beralih kepada mod berkelip kuning secara hampir serentak. Walau bagaimanapun, siasatan awal mendapati tiada bukti berlakunya pencerobohan yang berjaya, tiada kawalan luaran terhadap sistem, serta tiada manipulasi fungsi lampu isyarat secara langsung, sekali gus menunjukkan sistem keselamatan telah berfungsi seperti yang direka bagi mengutamakan keselamatan pengguna jalan raya.

Sejurus kejadian dikenal pasti, pihak konsesi bersama PBT telah mengambil tindakan segera dengan menggerakkan pasukan teknikal ke lokasi terjejas bagi melaksanakan pemulihan operasi secara terkawal, di samping mengaktifkan kawalan trafik secara manual di persimpangan kritikal bagi memastikan kelancaran aliran trafik. Dalam masa yang sama, semakan teknikal turut dilaksanakan termasuk pengumpulan dan pemeliharaan bukti digital bagi tujuan analisis forensik serta penyelarasan dengan pihak berkaitan untuk memastikan sistem kembali beroperasi dalam keadaan selamat dan terkawal.

Bagi tujuan penambahbaikan terhadap kelemahan sistem konsesi, beberapa langkah telah dan sedang dilaksanakan, antaranya pengetatan kawalan akses serta keselamatan rangkaian sistem, pengukuhan konfigurasi bagi mengurangkan risiko capaian luar, pelaksanaan pemantauan sistem secara berterusan bagi membolehkan pengesanan awal sebarang gangguan, serta penambahbaikan prosedur tindak balas insiden bagi mempercepatkan tempoh pemulihan. Selain itu, penilaian teknikal menyeluruh dan pengesanan bebas turut dilaksanakan bagi memastikan integriti serta kebolehpercayaan sistem sentiasa berada pada tahap yang optimum.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

Setakat ini, sistem lampu isyarat di kawasan terlibat telah kembali beroperasi seperti biasa dalam keadaan stabil dan terkawal, dan pemantauan berterusan sedang dilaksanakan bagi memastikan kejadian seumpama ini tidak berulang. Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN 11 (A60)

Apakah inisiatif khusus kerajaan membawa latihan kemahiran teknologi tinggi (seperti AI dan robotik) ke sekolah luar bandar seperti di DUN Gambir bagi memastikan anak muda tempatan kompetitif dalam pasaran kerja JS-SEZ dan sebagai menyokong usaha menjadikan Johor sebagai hub digital.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kementerian Pendidikan (KPM) bersama Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) komited untuk memastikan akses pendidikan berkualiti dan relevan kepada semua murid termasuk di kawasan luar bandar, selaras dengan keperluan ekonomi masa hadapan seperti pembangunan Zon Ekonomi Khas Johor – Singapura (JS-SEZ) dan aspirasi menjadikan Johor sebagai hab digital serantau.

Seiring dengan perkembangan pesat teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI) di peringkat global, Kementerian Pendidikan (KPM) sentiasa menilai dan merangka pendekatan baharu untuk memperkasa pengalaman pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah. Penggunaan AI dilihat sebagai alat penting untuk mewujudkan suasana PdP yang lebih interaktif, adaptif, serta memberi pendedahan awal kepada murid mengenai kemajuan teknologi dan keperluan pasaran kerja masa depan.

KPM telah merangka pendekatan yang strategik dalam Kurikulum Persekolahan 2027 (KP2027) untuk mengintegrasikan teknologi AI dan elemen digital secara mendalam melalui struktur kurikulum dan mata pelajaran khusus. Dalam kerangka KP2027, KPM telah mengangkat Fasih Digital sebagai salah satu daripada tujuh kompetensi utama yang mesti dikuasai oleh murid. Kompetensi Fasih Digital ini tidak sekadar melatih murid menjadi pengguna teknologi, tetapi membentuk mereka agar berupaya mengurus data dan maklumat, menyelesaikan masalah melalui pemikiran komputasional, serta mencipta kandungan digital secara beretika.

KPM memperkenalkan mata pelajaran baharu iaitu 'Teknologi dan Digital' yang akan mula diajar kepada murid Tahap III sekolah rendah dan diteruskan ke peringkat menengah rendah. Mata pelajaran ini digubal khusus untuk memberi pendedahan langsung kepada murid mengenai asas digital dan teknologi, termasuk elemen-elemen yang menyokong pemahaman terhadap kecerdasan buatan dan analisis data, selaras dengan keperluan industri masa hadapan seperti yang digariskan dalam laporan Forum Ekonomi Dunia. Pelaksanaan mata pelajaran ini menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan projek dan aktiviti amali di dalam bengkel atau makmal bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang interaktif dan autentik.

Bagi merealisasikan matlamat ini, KPM telah melaksanakan beberapa inisiatif utama. Antaranya ialah pelantar DELIMA, yang kini menempatkan 887 buku teks digital, lebih

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

15,000 video pendidikan, podcast, serta lebih 43,000 bahan PdP yang dikongsi oleh guru seluruh negara. Penambahbaikan DELIMa secara berterusan turut memperkenalkan *Digital Learning Pathway* dan 16 aplikasi berasaskan AI, membolehkan guru dan murid menikmati pengalaman pembelajaran yang diperibadikan dan adaptif. Setakat 15 April 2026, kadar penggunaan aktif DELIMa mencapai 96 peratus guru dan 21 peratus murid, di daerah Tangkak.

Selain itu, inisiatif *AI-Powered Classroom* sedang dilaksanakan secara berfasa untuk mengintegrasikan AI dalam bilik darjah fizikal, maya dan hibrid. Projek rintis telah dimulakan di 3 sekolah pada 2026 di Negeri Johor. Inisiatif ini bertujuan memperkasa murid melalui pembelajaran adaptif dan menyokong guru melalui automasi tugas serta analitik pembelajaran. Kejayaan pelaksanaan ini juga disokong kerjasama strategik dengan syarikat teknologi utama seperti Google, Microsoft, Apple, Intel, Huawei, Samsung dan MDEC.

Melalui kurikulum sedia ada dan KP2027, DELIMa 3.0 dan *AI-Powered Classroom*, Kementerian komited mewujudkan suasana PdP yang interaktif, inklusif dan berteknologi tinggi, sekali gus memastikan pelajar didedahkan awal dengan kemajuan AI serta dibekalkan dengan kemahiran relevan untuk menghadapi masa depan.

Langkah-langkah ini bertujuan merapatkan jurang digital antara bandar dan luar bandar serta melahirkan bakat tempatan yang berkemahiran tinggi, berdaya saing, dan bersedia memenuhi keperluan tenaga kerja dalam sektor ekonomi digital, khususnya di Johor.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN 12 (A67)

Berapakah jumlah pusat data di negeri Johor yang telah beroperasi, yang sedang dalam pembinaan atau persediaan, serta yang masih dalam peringkat permohonan setakat ini?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Berdasarkan data semasa yang diperolehi daripada PlanMalaysia Johor serta Tenaga Nasional Berhad (TNB), jumlah pembangunan pusat data di Negeri Johor kini berada pada tahap yang sangat signifikan dan terus berkembang. Secara keseluruhan, terdapat 65 projek pusat data mengikut plot tanah, di mana 20 projek telah beroperasi, 8 projek dalam fasa pelaksanaan, manakala 37 projek lagi telah diluluskan dan berada di pelbagai peringkat perancangan serta kelulusan lanjut. Setakat bulan Mac, penggunaan elektrik sebenar bagi 20 projek yang telah beroperasi ini telah mencecah sekitar 919.97 MW, mencerminkan skala sebenar industri ini yang semakin pesat.

Namun, apa yang lebih penting bukan sekadar angka projek atau kapasiti semata-mata, tetapi bagaimana Kerajaan Negeri membentuk hala tuju pembangunan industri pusat data ini secara strategik untuk masa hadapan Johor.

Johor hari ini bukan lagi sekadar destinasi pusat data, tetapi sedang diposisikan sebagai hab digital dan AI serantau. Dengan pertumbuhan kapasiti yang pesat, daripada sekitar 1MW beberapa tahun lalu kepada ribuan megawatt hari ini, kita berada di titik perubahan yang kritikal. Persoalannya bukan lagi berapa banyak pusat data, tetapi bagaimana kita memanfaatkan kehadiran pusat data ini untuk membina keseluruhan ekosistem ekonomi bernilai tinggi di Johor.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Johor telah mengambil pendekatan yang menyeluruh melalui penyediaan Garis Panduan Perancangan Pembangunan Pusat Data Negeri Johor pada April 2024, menjadikan Johor negeri pertama di Malaysia yang mempunyai garis panduan khusus bagi sektor ini. Garis panduan ini bukan sahaja memastikan pembangunan yang terancang dan mampan, tetapi juga menetapkan piawaian tinggi dari segi kecekapan tenaga (PUE), penggunaan air (WUE), teknologi penyejukan, kesediaan infrastruktur digital serta aspek kelestarian termasuk penggunaan tenaga hijau dan pematuhan kepada standard bangunan hijau. Di samping itu, Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Pusat Data Negeri Johor terus memainkan peranan penting dalam menilai setiap permohonan secara holistik, memastikan setiap projek bukan sahaja memenuhi keperluan teknikal, tetapi juga selari dengan kepentingan jangka panjang negeri termasuk keseimbangan sumber air dan tenaga.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

Melangkah ke hadapan, Kerajaan Negeri kini sedang merangka Pelan Hala Tuju Pembangunan Pusat Data Negeri Johor yang lebih komprehensif. Dalam kerangka ini, fokus kita tidak hanya kepada menarik pelaburan, tetapi kepada membangunkan keseluruhan rantaian nilai tempatan.

Pertama, kita memberi penekanan kepada pembangunan vendor tempatan dan rantaian bekalan domestik, termasuk dalam bidang pembinaan, kejuruteraan, penyelenggaraan, sistem penyediaan, serta perkhidmatan sokongan teknikal. Kita mahu memastikan bahawa setiap pelaburan pusat data yang masuk ke Johor akan turut memberi limpahan ekonomi kepada syarikat tempatan, bukan sekadar pemain global sahaja.

Kedua, aspek pembangunan bakat dan tenaga kerja tempatan menjadi keutamaan. Melalui kerjasama dengan institusi pendidikan serta platform seperti Johor Talent Development Council (JTDC), kita sedang membangunkan program latihan khusus dalam bidang operasi pusat data, kejuruteraan digital, tenaga dan automasi. Ini penting supaya rakyat Johor bukan sekadar menjadi pemerhati, tetapi menjadi sebahagian daripada tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam industri ini.

Ketiga, kita juga melihat kepada integrasi pusat data dengan agenda tenaga boleh diperbaharui dan kelestarian, selari dengan aspirasi nasional seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara atau NETR. Ini termasuk usaha meningkatkan penggunaan tenaga hijau, kecekapan tenaga, serta memastikan pembangunan pusat data tidak menjejaskan keperluan asas rakyat dari segi bekalan air dan elektrik.

Kesimpulannya, Yang Berhormat Dato' Speaker,

Johor berada dalam kedudukan yang unik dan strategik dalam gelombang ekonomi digital global. Namun, kejayaan kita tidak akan diukur semata-mata berdasarkan jumlah pusat data yang dibina, tetapi sejauh mana kita mampu menukar pertumbuhan ini kepada peluang pekerjaan berkualiti, pembangunan industri tempatan, serta peningkatan kemakmuran rakyat secara menyeluruh. Inilah pendekatan Kerajaan Negeri Johor, bukan sekadar membina "warehouse for data", tetapi membangunkan ekosistem digital yang lengkap, mampan dan berimpak tinggi untuk masa depan Johor.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN 13 (A142)

Berdasarkan statistik dari Jabatan Pertanian, hanya 28% sahaja Usahawan Tani dan Usahawan IAT yang terdiri daripada golongan belia iaitu mereka yang berusia diantara 18–40 tahun. Apakah strategi Kerajaan Negeri Johor untuk meningkatkan bilangan belia di dalam sektor pertanian ini?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Kerajaan Negeri Johor menyedari bahawa penglibatan belia dalam sektor pertanian dan agromakanan masih rendah. Justeru, pelbagai strategi bersepadu dilaksanakan bagi menjadikan sektor ini lebih moden, berdaya saing dan berpendapatan tinggi, sekali gus mengangkat golongan belia sebagai peneraju utama dalam industri pertanian berteknologi tinggi.

Antara pendekatan utama Kerajaan Negeri ialah menerusi pelaksanaan program khusus seperti **Johor Future Agropreneur (JFA)** yang memberi fokus kepada pembangunan usahawan belia tani melalui latihan, bimbingan teknikal serta penggunaan teknologi moden. Sehingga kini, lebih 1,000 peserta telah dilatih melalui puluhan siri kursus pada tahun ini.

Menerusi **Johor Future Agropreneur (JFA)** juga, Kerajaan Negeri turut memperkukuh sokongan belia melalui geran pemerksaan kepada belia tani. Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Pertanian Negeri Johor telah memperuntukkan sebanyak RM3 juta khusus bagi melaksanakan program ini, yang mana telah memanfaatkan seramai 152 belia tani di negeri Johor. Pada tahun 2025 pula, kerajaan sekali lagi telah memperuntukkan sebanyak RM2 juta bagi pelaksanaan program ini dengan sasaran penerima manfaat sekurang-kurangnya 134 orang usahawan belia tani.

Bagi tahun 2026, sebanyak RM2 juta telah diperuntukkan kepada program ini dengan sasaran manfaat kepada lebih 100 orang penerima. Program ini merangkumi komponen latihan teknikal, bimbingan keusahawanan, khidmat nasihat agronomi serta bantuan dalam bentuk peralatan dan input pertanian bagi memperkukuh daya saing belia tani.

Dalam sektor perikanan juga, program Agropreneur Muda NextGEN Perikanan menyediakan bantuan sehingga RM30,000 bagi setiap peserta, dengan fokus kepada projek akuakultur moden dan industri hiliran. Fokus diberikan kepada projek berimpak tinggi seperti ternakan ikan dalam tangki (RAS), ternakan udang, dan pemprosesan produk hiliran (IAT) seperti keropok lekor moden dan produk sejuk beku, Nelayan Perikanan Tangkapan (Laut dan darat), Industri Sokongan Perikanan (Penyelenggaraan Enjin Sangkut, Pembuatan bot fiber). Sasarannya adalah untuk

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

melahirkan usahawan yang bukan sekadar nelayan, tetapi pengurus perniagaan perikanan. Seramai 29 orang usahawan telah dibangunkan dengan peruntukan sebanyak RM583,609.00 dari tahun 2021 – 2025.

Bagi meningkatkan penyertaan golongan belia dalam sektor ternakan, antara strategi Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar adalah dengan memberikan insentif dan bantuan kepada belia yang terlibat di dalam aktiviti penternakan. Pada tahun 2024 dan 2025, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor telah memberikan insentif berupa bahan binaan dan peralatan (terutamanya mesin perincih) kepada penternak belia. Bagi tempoh 2 tahun tersebut, sejumlah RM519,826 telah diperuntukkan dan memberi manfaat kepada 36 penternak dalam belia.

Dari segi pemodenan, pendekatan Penggunaan teknologi seperti pertanian pintar (smart farming), automasi, Internet of Things (IoT) serta kaedah seperti vertical farming diperluaskan bagi meningkatkan kecekapan dan hasil pengeluaran. Bagi sektor IAT pula, penekanan diberikan kepada penggunaan mesin-mesin teknologi pemprosesan moden, inovasi produk serta digitalisasi operasi. Pendekatan ini menjadikan sektor ini lebih moden, efisien dan selari dengan kecenderungan generasi muda.

Di samping itu, aspek pembangunan ekosistem pengusaha Industri Asas Tani turut diperkasa melalui penyediaan kemudahan seperti pusat pemprosesan makanan dan inkubator keusahawanan. Usaha ini dilaksanakan melalui pendekatan 3P yang merangkumi Pusat Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemasaran (Inkubator), sekali gus meningkatkan kualiti serta nilai tambah hasil pertanian melalui penyediaan infrastruktur yang komprehensif.

Sebagai contoh, fasiliti Pusat Memproses Makanan FAMA (PMMF) di Rengit, Batu Pahat yang memainkan peranan penting sebagai platform sokongan dalam memperkasa usahawan Industri Asas Tani (IAT), khususnya dalam kalangan belia, untuk menghasilkan produk makanan berasaskan hasil pertanian tempatan yang berkualiti tinggi. Melalui fasiliti ini, usahawan bukan sahaja dibimbing dalam aspek pemprosesan makanan yang selamat dan sistematik, malah turut dibantu memenuhi keperluan pensijilan utama seperti GMP, Halal, MeSTI dan HACCP. Ini sekali gus meningkatkan kualiti, keyakinan pengguna serta daya saing produk tempatan di pasaran.

Antara produk yang dihasilkan di PMMF termasuk kordial roselle, seri kaya madu, pes makanan dan jem nanas. Lebih membanggakan, produk-produk ini bukan sahaja dipasarkan di dalam negara, malah turut berjaya menembusi pasaran antarabangsa. Pendekatan ini bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan usahawan malah menjadikan Industri Asas Tani sebagai sektor yang lebih moden, berdaya saing dan menarik minat golongan belia serta mampu memberi pulangan yang tinggi.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

Akhir sekali, tumpuan utama bukan hanya pada peningkatan bilangan semata-mata, tetapi lebih kepada usaha melahirkan generasi usahawan belia yang berdaya saing, berinovatif dan mampu menjadikan sektor pertanian sebagai sumber ekonomi baharu kepada Negeri Johor. Usaha mengenalpasti serta membimbing golongan usahawan dalam pertanian ini akan berterusan bagi memastikan matlamat dalam meningkatkan penglibatan golongan muda yang berdaya saing dalam bidang usahawan tani dapat dicapai.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)

SOALAN 14 (A11)

Apakah langkah konkrit kerajaan negeri dalam memastikan harga Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) benar-benar kekal mampu dimiliki oleh golongan B40 dan M40, khususnya dalam keadaan kos bahan binaan yang semakin meningkat?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Kerajaan Negeri Johor ingin menegaskan bahawa walaupun negeri ini berkembang pesat sebagai antara enjin ekonomi utama negara, komitmen terhadap penyediaan perumahan mampu milik tidak pernah dikompromi. Sejak tahun 2022 hingga 2026, Johor kekal antara negeri yang masih menawarkan rumah pada harga yang benar-benar mampu dimiliki, iaitu serendah RM42,000, RM50,000, RM100,000, RM150,000, RM200,000 dan RM250,000. Pendekatan ini mencerminkan prinsip dasar Kerajaan Negeri bahawa harga rumah tidak boleh ditentukan sepenuhnya oleh tekanan pasaran, sebaliknya mesti berpaksikan kepada kemampuan sebenar rakyat, khususnya golongan B40 dan M40.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Q1 2026, sebanyak 21,412 unit Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) telah berjaya disiapkan dan diserahkan kepada rakyat dengan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC). Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri sedang giat melaksanakan pembinaan serta merancang kira-kira 9,000 unit tambahan bagi mencapai sasaran keseluruhan 30,000 unit menjelang tahun 2026. Ini membuktikan bahawa agenda perumahan negeri bukan sekadar dasar di atas kertas, tetapi dilaksanakan secara konsisten dan berimpak di lapangan.

Lebih penting, penyediaan rumah mampu milik ini tidak hanya tertumpu di kawasan pinggir bandar, malah turut dilaksanakan di kawasan strategik dan bernilai tinggi. Di kawasan seperti Iskandar Puteri dan Nusajaya, Kerajaan Negeri masih memastikan terdapat rumah bertanah pada harga sekitar RM150,000, terutamanya di dalam projek Perumahan Iskandar Puteri Bangsa Johor (PIPBJ) yang menyediakan sebanyak 2,604 unit rumah landed serta kedai kos sederhana untuk ditawarkan kepada golongan B40 dan M40 yang berkelayakan. Ini memberi peluang kepada rakyat untuk memiliki rumah landed di kawasan bandar, sesuatu yang semakin sukar dicapai di banyak negeri lain.

Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk memastikan RMMJ kekal benar-benar mampu dimiliki walaupun berdepan kenaikan kos bahan binaan. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri telah dan akan terus melaksanakan beberapa pendekatan utama. Pertama, Kerajaan Negeri mengekalkan harga jualan RMMJ mengikut polisi yang telah ditetapkan dan tidak membenarkan sebarang kenaikan dibuat sewenang-wenangnya. Sebarang permohonan semakan harga oleh pemaju akan melalui penelitian yang teliti serta pertimbangan menyeluruh oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan kepentingan rakyat terus dilindungi.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

Kedua, Kerajaan Negeri menyediakan tanah milik kerajaan atau agensi berkaitan bagi tujuan pembangunan RMMJ, sekaligus mengurangkan kos tanah yang merupakan antara komponen terbesar dalam penentuan harga rumah. Pendekatan ini telah dilaksanakan dalam beberapa projek Residensi Bangsa Johor (RsBJ) iaitu seperti Residensi Bangsa Johor di Pontian, Muar, Chaah Segamat, Renggam Kluang dan Sagil Tangkak yang membolehkan harga rumah dikekalkan pada tahap mampu milik tanpa menjejaskan kualiti pembangunan.

Ketiga, Kerajaan Negeri mempercepatkan proses kelulusan pembangunan melalui kaedah fast track serta pemantauan berterusan di bawah Jawatankuasa Planning, Design and Review Committee (PDRC). Langkah ini bukan sahaja mengurangkan tempoh kelulusan, malah membantu menurunkan kos kewangan yang ditanggung oleh pemaju, seterusnya mengelakkan kos tersebut dipindahkan kepada pembeli.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menggalakkan penggunaan teknologi pembinaan moden seperti Industrialised Building System (IBS) bagi meningkatkan kecekapan pembinaan dan mengurangkan kebergantungan kepada bahan binaan serta tenaga kerja. Dalam masa yang sama, dasar pembangunan bercampur terus dikekalkan, di mana pemaju perlu membangunkan komponen pasaran terbuka bersama RMMJ. Melalui pendekatan subsidi silang ini, sebahagian keuntungan daripada unit pasaran bebas digunakan untuk menampung kos pembinaan RMMJ tanpa menjejaskan harga jualan kepada pembeli sasaran.

Di samping itu, Kerajaan Negeri turut memperkenalkan inisiatif bersasar seperti Rumah Prihatin Johor (RPJ) yang menyediakan rumah bersubsidi kepada golongan berpendapatan rendah, serta Rumah Kasih Johor (RKJ) yang ditawarkan secara percuma kepada golongan miskin tegar. Usaha ini dilengkapi dengan program baik pulih kediaman yang melibatkan lebih 20,000 rumah di seluruh negeri, bagi memastikan rakyat bukan sahaja memiliki rumah, tetapi dapat tinggal dalam keadaan yang selesa dan selamat.

Keseluruhannya, pendekatan Kerajaan Negeri Johor adalah menyeluruh dan berpaksikan rakyat, merangkumi kawalan harga, pengurangan kos pembangunan, pemodenan kaedah pembinaan, bantuan kepada pembeli serta penyediaan rumah di lokasi strategik. Inilah komitmen sebenar Kerajaan Negeri yang bukan sekadar membina rumah, tetapi membina kehidupan yang lebih stabil, bermaruah dan sejahtera untuk seluruh Bangsa Johor.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN 15 (A187)

Nyatakan kekerapan dan laluan bas yang sedia ada dan usaha peningkatan laluan bas di Taman Johor Jaya, Bandar Seri Alam dan Masai.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri Johor sentiasa peka terhadap keperluan rakyat dalam pengangkutan awam, khususnya perkhidmatan bas, dengan usaha berterusan untuk menambah baik kualiti, kekerapan dan kebolehcapaian demi kesejahteraan rakyat.

Berdasarkan maklumat terkini, tiada perkhidmatan bas awam yang melalui sehingga ke Taman Johor Jaya. Namun begitu pada tahun ini mengikut perancangan, perkhidmatan BMJ dicadangkan diperluas sehingga ke kawasan Taman Johor Jaya bagi membawa masyarakat setempat menuju ke lokasi *park & ride* di Pusat membeli belah Toppen untuk mendapatkan pelbagai perkhidmatan bas awam yang lain. Kaedah ini secara tidak langsung menghubungkan kawasan Johor Jaya dengan kawasan lain menggunakan rangkaian bas awam yang pelbagai di *park & ride* yang telah dikhaskan.

Berkenaan dengan pengangkutan bas awam di Bandar Seri Alam, terdapat 2 perkhidmatan laluan yang telah diwujudkan iaitu perkhidmatan MyBas di laluan J200 Terminal Masai ke Bandar Seri Alam dengan kekerapan 1 jam bermula dari 6.00pagi sehingga 10.00malam. Perkhidmatan Bas Muafakat Johor (BMJ) di laluan P312 Taman Flora Height ke Terminal Pasir Gudang dengan kekerapan 2 jam bermula dari 5.30pagi sehingga 5.30petang. Laluan ini juga memberikan servis perkhidmatan kepada dua Institusi pendidikan iaitu UiTM Seri Alam dan UNIKL Seri Alam. Pengguna dapat mengakses kawasan-kawasan lain seperti Bandaraya Johor Bahru atau ke Larkin Sentral dengan kaedah pertukaran bas di Terminal Pasir Gudang sahaja.

Di kawasan Masai juga mempunyai perkhidmatan bas awam yang baik. Melalui perkhidmatan BMJ, terdapat 1 laluan yang boleh digunakan oleh masyarakat setempat iaitu P312 Terminal Masai ke Terminal Pasir Gudang dengan kekerapan 2 jam bermula dari 5.30pagi sehingga 5.30petang. Perkhidmatan MyBas pula sebanyak 3 laluan telah diwujudkan iaitu J200 Terminal Masai ke Bandar Seri Alam dengan kekerapan 1 jam bermula dari 6.00pagi sehingga 10.00malam, J20 Terminal Masai ke JB Sentral dengan kekerapan 30 minit bermula 5.00pagi sehingga 10.00 malam dan J205 Terminal Masai ke Lotus Kota Masai dengan kekerapan 40 minit dari 4.00pagi sehingga 10.40malam. Kepelbagaian perkhidmatan ini akan mewujudkan satu rangkaian perhubungan yang menyeluruh antara bandar ke bandar.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

Kesimpulannya, Kerajaan Negeri komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan menyeluruh kepada masyarakat bagi memastikan mod pengangkutan awam di Johor terus berkembang.

Sekian, Terima Kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN 16 (A33)

Johor akan bergerak ke arah negeri menua. Dalam menuju kemajuan dan gaya hidup yang tidak terkawal dari segi pemakanan dan kesihatan, apakah tahap kesiapsiagaan sistem kesihatan Johor dalam menghadapi peningkatan populasi dan urbanisasi?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Sehingga 2026, Negeri Johor mencatatkan bilangan kedua tertinggi populasi warga emas dengan anggaran 250,300 orang lelaki dan 251,700 orang wanita berumur lebih 60 tahun. Peningkatan ini dilihat akan memberi implikasi kepada perkhidmatan kesihatan termasuk peningkatan beban perkhidmatan pesakit bagi penyakit tidak berjangkit seperti Diabetes Mellitus (kencing manis), Hypertension (darah tinggi) serta komplikasi-komplikasi penyakit, peningkatan kepada keperluan rehabilitasi bagi warga emas, keperluan infrastruktur mesra warga emas serta pengisian aktiviti-aktiviti warga emas bagi memastikan mereka berada di tahap kesihatan yang baik.

Diperingkat Jabatan Kesihatan Negeri Johor, usaha menghasilkan Halatuju dan Pelan Tindakan Perkhidmatan Penjagaan Warga Emas sedang dijalankan. Melalui usaha ini, 5 Teras utama telah dicadangkan melalui:

Teras 1: Pemerkasaan Penuaan Sihat Komuniti seperti kelab warga Emas, Kolaborasi bersama NGO dan agensi setempat.

Teras 2: Memperkukuhkan Penjagaan Kesihatan Warga Emas Berterusan seperti meningkatkan mutu perkhidmatan integrasi bagi warga emas dan meningkat kompetensi anggota.

Teras 3: Meluaskan Kebolehcapaian Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas seperti mewujudkan serta menambahbaik infrastruktur mesra warga emas di fasiliti kesihatan.

Teras 4: Menggalakkan Penyelidikan dan Pembangunan Kesihatan Warga Emas

Teras 5: Memperkukuhkan Pemantauan dan Penilaian Perkhidmatan Warga Emas

Melalui halatuju ini, pelbagai strategi dan tanggungjawab akan disatukan dan melibatkan pelbagai aspek seperti saringan kesihatan, pemakanan seimbang dan sihat, aktiviti fizikal, penjagaan diri terutama risiko jatuh serta kesihatan mental turut dibincang dan diberi perhatian supaya Negeri Johor bersedia menghadapi keadaan dengan populasi warga emas yang ramai kelak seterusnya berada di kelompok negeri dengan populasi menua.

JKN Johor sentiasa peka mengenai keperluan pencegahan peringkat primordial untuk mempromosikan penuaan sihat melalui pelbagai inisiatif yang menyasarkan semua peringkat umur, bermula dari kanak-kanak. Usaha ini merangkumi program 1,000 Hari Pertama Kehidupan untuk memerangi masalah malpemakanan, serta Program

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

Hidangan Berkhasiat di Sekolah (HiTS) untuk memastikan murid mendapat makanan berkhasiat. Di peringkat sekolah, JKN turut melatih Jurulatih Utama (JU) Cara Hidup Anda Terbaik (C-HAT) daripada kalangan PIBG bagi memerangi obesiti. Selain itu, inisiatif *Supportive Healthy Food Intake and Nutrition Empowerment* (SHINE@IPT) dilaksanakan di institusi pengajian tinggi untuk membudayakan pemakanan sihat dalam kalangan pelajar, manakala kempen-kempen seperti 'Suku Suku Separuh' dan 'Perangi Gula' dipergiat di peringkat komuniti dengan kerjasama pelbagai pihak. Semua langkah ini akan diteruskan untuk meningkatkan literasi kesihatan dan membentuk persekitaran yang menyokong gaya hidup sihat untuk rakyat Malaysia ke arah negeri menua.

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM8.4 juta bagi menaik taraf dan memperkukuh kemudahan di dua klinik kesihatan utama, iaitu Klinik Kesihatan Gelang Patah Unit Ibu dan Anak (KKGPIA), Klinik Kesihatan Sultan Ismail Unit Ibu dan Anak (KKSIIA) serta Pusat Pembekalan Ubat Susulan Setempat (PPUSS). Selain itu, sebanyak RM2.6 juta lagi telah diperuntukkan untuk dua klinik tambahan iaitu Klinik Kesihatan Kulai dan Klinik Kesihatan Majidee, bagi meningkatkan kapasiti perkhidmatan serta mengurangkan kesesakan di klinik sedia ada.

Kerajaan Negeri Johor ingin menegaskan bahawa usaha ini tidak akan terhenti di sini. Kami komited untuk terus mengenal pasti klinik-klinik yang berdepan isu kesesakan dan kekangan kapasiti, dan akan menambah baik kemudahan serta sumber secara berperingkat. Ini adalah komitmen berterusan Kerajaan Negeri Johor dalam memastikan akses kesihatan yang berkualiti, inklusif dan bermaruah.

Dari sudut fasiliti hospital pula, dua hospital utama sedang diberi perhatian serius. Hospital Pasir Gudang (HPG) telah pun beroperasi Dimana 14 daripada 14 perkhidmatan yang ditawarkan telah beroperasi sepenuhnya, manakala pembinaan Hospital Sultanah Aminah 2 (HSA 2) telah mendapat kelulusan, yang bakal meningkatkan keupayaan rawatan khususnya bagi pesakit kronik dan warga emas di sekitar kawasan Iskandar Puteri dan kawasan berdekatan.

Di peringkat persekutuan melalui Belanjawan Malaysia 2026, sebuah klinik baharu akan dibangunkan di Gerbang Nusajaya, yang akan memberi akses lebih mudah kepada penduduk setempat, khususnya komuniti yang semakin menua, untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan asas dan saringan awal.

Selain itu, pendekatan penjagaan kesihatan juga diperluaskan melalui penubuhan Wellness Hub di empat lokasi utama iaitu Batu Pahat, Muar, Kluang dan Johor Bahru. Inisiatif ini memberi tumpuan kepada pencegahan penyakit, promosi kesihatan, serta pengurusan gaya hidup sihat, yang amat penting dalam menangani cabaran penuaan penduduk.

1. Menangani Ledakan Populasi dan Urbanisasi Pesat

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

Johor Bahru, khususnya kawasan Gelang Patah dan pusat bandar, sedang mengalami fasa urbanisasi yang agresif. Pemindahan dan penyusunan semula perkhidmatan ini bukan sekadar perpindahan fizikal, tetapi satu langkah de-congesting (penyahsesakan):

* Penyuraian Kapasiti: Klinik sedia ada kini beroperasi melebihi kapasiti asal akibat limpahan penduduk di koridor ekonomi Iskandar Malaysia. Inisiatif ini membolehkan ruang fizikal dioptimumkan mengikut nisbah pesakit-kakitangan yang lebih manusiawi.

* Aksesibiliti Bandar: Memindahkan perkhidmatan ke lokasi yang lebih strategik atau luas memastikan mobiliti penduduk bandar tidak terjejas oleh kesesakan trafik dan kekurangan parkir di fasiliti lama.

2. Persediaan Menghadapi Masyarakat Tua (Ageing Nation 2030)

Langkah memindahkan perkhidmatan Ibu dan Anak (KKIA) sebenarnya merupakan strategi serampang dua mata untuk sistem kesihatan Johor:

* Pengkhususan Fasiliti: Dengan memindahkan unit Ibu dan Anak ke fasiliti yang lebih khusus atau luas, ruang di klinik sedia ada boleh dinaiktaraf untuk memfokuskan perkhidmatan Penjagaan Warga Emas (Geriatrik) dan rawatan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) khusus pada warga emas.

* Sistem Bersepadu: Ini membolehkan pengurusan kesihatan yang lebih fokus—satu premis khusus untuk fasa awal kehidupan (Ibu & Anak), manakala satu lagi fokus kepada pengurusan penyakit kronik yang sinonim dengan peningkatan usia penduduk.

3. Kelestarian Sistem Kesihatan Negeri

Inisiatif ini merupakan bukti tahap kesiapsiagaan (readiness) Kerajaan Negeri Johor dalam menyokong visi Johor Maju:

* Penyampaian Perkhidmatan Digital: Fasiliti baharu ini dirangka untuk menyokong sistem rekod kesihatan elektronik, mengurangkan birokrasi kertas, dan mempercepatkan tempoh menunggu.

* Magnet Pelaburan: Kesiapsiagaan infrastruktur kesihatan yang mantap adalah kriteria utama bagi pelabur asing dan ekspatriat untuk menetap di Johor, sekaligus memacu ekonomi negeri.

Manakala pengwujudan Wellness Hub di Johor merupakan inisiatif transformatif yang beralih daripada model "sick care" (rawatan pesakit) kepada "health care" (penjagaan kesihatan) secara holistik. Wellness Hub adalah pelaburan jangka panjang bagi Negeri Johor. Ia bertindak sebagai pemangkin kepada ekosistem kesihatan yang mampan dengan memastikan populasi yang menua kekal sihat, produktif, dan tidak bergantung sepenuhnya kepada sistem rawatan intensif di hospital. Dengan pendekatan ini, Johor bukan sahaja bersedia dari segi infrastruktur perubatan, tetapi juga dari segi ketahanan kesihatan rakyatnya.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

Dalam konteks menangani masalah penuaan dan kesiapsiagaan sistem kesihatan negeri, Wellness Hub memainkan peranan strategik seperti berikut:

1. Intervensi Awal dan Pencegahan Penyakit Kronik

Masalah utama penuaan adalah beban penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti diabetes dan hipertensi yang meningkat mengikut usia.

* Pengurangan Beban Hospital: Wellness Hub berfungsi sebagai "benteng pertama" yang mendidik warga emas dan golongan dewasa mengenai gaya hidup sihat melalui program pemakanan dan berhenti merokok.

* Pencegahan Komplikasi: Dengan mengawal faktor risiko lebih awal, komplikasi kesihatan yang memerlukan rawatan hospital yang mahal pada usia tua dapat dikurangkan, sekaligus menjimatkan sumber kewangan kerajaan negeri.

2. Memperkasakan Penuaan Aktif (Active Ageing)

Wellness Hub tidak hanya melihat penuaan dari sudut perubatan, tetapi juga dari sudut kualiti hidup.

* Kesihatan Mental dan Sosial: Hub ini menyediakan ruang untuk interaksi sosial dan aktiviti fizikal yang diselia. Ini sangat kritikal dalam mencegah kemurungan dan isolasi sosial dalam kalangan warga emas di kawasan bandar.

* Latihan Kecergasan Warga Emas: Program senaman yang disesuaikan mengikut keupayaan fizikal membantu mengekalkan mobiliti dan kekuatan otot, sekali gus mengurangkan risiko jatuh dan kecederaan yang sering menjadi punca kemerosotan kesihatan warga tua.

3. Kesiapsiagaan Sistem Kesihatan Melalui Desentralisasi

Keberadaan Wellness Hub di lokasi komuniti (seperti di kawasan perumahan atau pusat bandar) meningkatkan tahap kesiapsiagaan sistem kesihatan Johor:

* Aksesibiliti Komuniti: Penduduk tidak perlu ke hospital besar atau Klinik Kesihatan yang sesak untuk mendapatkan khidmat nasihat kesejahteraan. Ini membolehkan sistem kesihatan sedia ada memberikan tumpuan kepada kes-kes akut dan kecemasan.

* Penyelarasan Data Kesihatan: Wellness Hub berperanan sebagai pusat pengumpulan data profil kesihatan komuniti setempat. Data ini membolehkan Jabatan Kesihatan Negeri Johor membuat unjuran keperluan fasiliti geriatrik mengikut kepadatan penduduk dan trend penyakit di sesuatu kawasan.

4. Pendidikan Literasi Kesihatan (Health Literacy)

Tahap kesiapsiagaan yang tinggi bermula daripada rakyat yang bermaklumat.

* Sistem Sokongan Keluarga: Wellness Hub memberi latihan kepada penjaga (caregivers) mengenai cara menjaga warga emas dengan betul di rumah. Ini adalah komponen penting dalam kesiapsiagaan sistem kesihatan, di mana beban penjagaan dikongsi antara kerajaan dan komuniti secara terlatih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

YB PUAN HAJAH HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)

SOALAN 17 (A26)

Adakah kerajaan negeri bercadang mengkaji dan menambah elaun imam masjid sehingga mencapai RM1,000.00 melalui kerjasama dengan JAKIM atau penambahan daripada kerajaan negeri itu sendiri?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Berdasarkan rekod sehingga April 2026, jumlah Imam 1 & 2 Masjid Kariah yang menerima imbuhan bulanan berjumlah RM 850.00 seramai 1,532 orang dengan anggaran peruntukan sebulan RM 1.3 juta (RM 850.00 x 1,532 orang = RM 1,302,200.00) dan anggaran peruntukan setahun RM 15.6 juta (RM 850.00 x 1,532 orang x 12 bulan = RM 15,626,400.00). Jumlah penerima akan ada graf turun naik atas faktor perletakan jawatan, kematian, tatatertib, perantikan baru dan gantian jawatan.

Merujuk kepada **GARIS PANDUAN PENGURUSAN PENYALURAN PERUNTUKAN DAN PEMBAYARAN IMBUHAN BULANAN IMAM MASJID KARIAH DI SELURUH MALAYSIA (Oktober 2024)** yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM) - https://www.icu.gov.my/pdf/gp/gp_bayaran_imam.pdf telah menetapkan satu (1) buah masjid kariah, kouta penerima Imbuhan Bulanan ini berjumlah dua (2) orang sahaja. Walaupun seseorang itu bertugas di beberapa buah masjid, kelayakan hanya satu (1) kouta sahaja. (Rujuk Muka Surat 9 dalam Garis Panduan)

Untuk rekod, jumlah Masjid Kariah Negeri Johor berjumlah 785 buah, jika di dipenuhi kouta keseluruhan (785 buah masjid x 2 orang kouta = 1,570 orang). Pengisian terkini berjumlah 1,532 orang (1,570 - 1,532 = 38 orang) dan berbaki 38 orang. Baki Kouta ialah terdapat Masjid Kariah yang mempunyai seorang imam sahaja iaitu masjid di bawah pengurusan ladang dan lain -lain lokasi.

Usaha Kerajaan Negeri sekarang ini ialah Pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah kemukakan permohonan penambahan kouta terimaan imbuhan bulanan ini pada 07 April 2026, diperluaskan kepada Pegawai Masjid Kerajaan (28 buah) dan Masjid Institusi (33 buah) berjumlah 61 buah dengan penerima manfaat 122 orang (61 buah x 2 kouta = 122 orang), anggaran peruntukan berjumlah RM 1.2 juta setahun (RM 850.00 x 122 orang x 12 bulan = RM 1,244,400.00) agar turut sama menikmati terimaan imbuhan bulanan ini jika diluluskan.

Terkini penerima imbuhan 1,532 orang setahun (RM 850.00) dengan anggaran peruntukan RM 15.6 juta, jika ada kenaikan ke RM 1,000.00, kenaikan berjumlah RM 150.00, maka anggaran peruntukan tambahan yang diperlukan berjumlah RM 2.7 juta

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

(RM 150.00 x 1,532 orang x 12 bulan = RM 2,757,600.00), kiraan jumlah kouta penuh ialah RM 2.8 juta (RM 150.00 x 1,570 orang x 12 bulan = RM 2,826,000.00)

Kiraan ini akan dibuat permohonan kepada Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM jika dipersetujui, kerana kenaikan imbuhan bulanan imam masjid kariah, setiap tahun pihak JAKIM mengemukakan justifikasi kenaikan kepada Kerajaan Persekutuan untuk dapatkan kelulusan. Namun sehingga kini, **GARIS PANDUAN PENGURUSAN PENYALURAN PERUNTUKAN DAN PEMBAYARAN IMBUHAN BULANAN IMAM MASJID KARIAH DI SELURUH MALAYSIA (Oktober 2024)** masih berkuatkuasa dan terpakai.

Berbeza pula dengan keprihatinan Kerajaan Negeri Johor, bermula Januari tahun 2025, telah menaikkan 100% terima imbuhan bulanan pegawai masjid dan surau, kepada Bilal Masjid (RM 100.00 ke RM 200.00) seramai 670 orang, Noja Masjid (RM 80.00 ke RM 160.00) seramai 650 orang, Imam Surau (RM 100.00 ke RM 200.00) seramai 1,410 orang, Bilal Surau (RM 50.00 ke RM 100.00) seramai 1,260 orang dengan anggaran peruntukan RM 7.8 juta (RM 7,874,400.00) setahun.

Jika Kerajaan Negeri berhasrat menanggung jumlah kenaikan RM 850.00 ke RM 1,000.00 (kenaikan RM 150.00) maka Kerajaan Negeri memerlukan RM 10.6 juta (RM 2.8 juta (kenaikan RM 150.00) + RM 7.8 juta (Tanggungannya sedia ada) = RM 10.6 juta) setahun.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)

SOALAN 18 (A120)

Tanah perumahan generasi telah mula membangun, dengan ada dikalangan generasi telah membina rumah di 9 buah FELDA dalam DUN Sedili dan Johor lama. Apakah persediaan kerajaan negeri dalam menyediakan kemudahan asas bekalan elektrik, air bersih kerumah-rumah generasi ini.

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinan yang konsisten dalam memperjuangkan aspek pembangunan infrastruktur asas di kawasan lot kediaman generasi FELDA, terutamanya di kawasan Parlimen Kota Tinggi.

Sebagaimana sedia maklum bahawa, Kerajaan Negeri Johor dan FELDA telah meluluskan peruntukan sebanyak RM18 juta bagi pembangunan infrastruktur asas di kawasan lot kediaman generasi FELDA di 3 rancangan, termasuk 1 rancangan di kawasan DUN Sedili iaitu, FELDA Bukit Easter.

Untuk status semasa, Kerajaan Negeri bersama FELDA dan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) sedang memuktamatkan perincian skop projek ini bagi tujuan kelulusan sebelum bermulanya kerja-kerja di tapak.

Selepas selesai pelaksanaan pembangunan Fasa 1 ini, Kerajaan Negeri Johor juga berhasrat untuk meneruskan inisiatif pelaksanaan pembangunan infrastruktur asas lot kediaman generasi FELDA bagi fasa seterusnya di lokasi lain, bergantung kepada ketersediaan peruntukan dan persetujuan pihak FELDA.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)**SOALAN 19 (A165)**

Prasarana dan pembangunan sukan adalah sangat penting bagi membina generasi pelapis di setiap kawasan. Bilakah pelaksanaan Kompleks Sukan Labis akan dimulakan?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH**JABATAN BELIA DAN SUKAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini pelaksanaan Kompleks Sukan Labis masih belum dapat dimuktamadkan tarikh pelaksanaannya kerana projek tersebut masih di peringkat perancangan dan tertakluk kepada kelulusan Kerajaan.

Sebagai langkah awal, Kementerian Belia dan Sukan melalui Bahagian Pembangunan sedang menyediakan kertas cadangan Projek Menaiktaraf Mini Stadium Labis di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13), Rolling Plan 2 (RP2), yang dijadualkan untuk dibentangkan untuk pertimbangan Kementerian Ekonomi pada bulan Mei 2026.

Sekiranya cadangan ini diluluskan, pelaksanaan projek akan ditentukan berdasarkan keutamaan pembangunan serta kedudukan kewangan semasa Kerajaan

MAJLIS DAERAH LABIS

Jangkaan pelaksanaan projek menaiktaraf stadium mini labis pada tahun 2027. Di bawah Peruntukan Rolling Plan 2 RMKe- 13..MDL telah menghantar permohonan projek ini kepada Kementerian Belia Dan Sukan (KBS) melalui YB Parlimen Labis melalui Surat bertarikh 27/11/2025.

Status terkini Dalam proses penyediaan dokumen maklumat permohonan kepada KBS untuk mendapatkan kelulusan peruntukan di Peringkat Kem Ekonomi. Cadangan projek adalah menaiktaraf stadium mini labis Dan bukan kompleks Sukan kerana kawasan tapak cadangan yang kecil 3.62 ekar.

KOMPONEN UTAMA PROJEK

1. Padang Awam (55 x 91) berserta lampu limpah 500 lux 4 penjuru
2. Astaka 2 tingkat berbumbung (27m x 12.9m)
3. Parkir kenderaan
4. Tembok penahan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 20 (A4)

Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan usaha penjimatan tenaga?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

TNB telah melaksanakan pelbagai inisiatif penjimatan tenaga melalui:

1. TNB Energy Services (TNBES):

- Anak syarikat TNB yang menyediakan penyelesaian tenaga hijau
- Pakar dalam projek Tenaga Boleh Baharu (RE) dan Kecekapan Tenaga (EE)
- Membangunkan teknologi hijau untuk pemilik rumah
- Mengintegrasikan Smart Meter di seluruh negara

2. Insentif Kecekapan Tenaga (EE):

- Diberikan kepada pengguna domestik yang menggunakan 1,000kWh ke bawah
- Diberikan kepada pengguna Voltan Rendah Bukan Domestik yang menggunakan 200kWh ke bawah

3. Cara-cara praktikal untuk menjimatkan elektrik melalui hebahan dalam sosial media dan juga melalui program seperti Malaysia Electricity Literacy Program yang telah dilaksanakan 11 kali di seluruh Negeri Johor serta program bersama komuniti, dan radio pada tahun 2025. Perkara yang dikongsikan adalah seperti di bawah,

- Memantau penggunaan melalui portal atau aplikasi myTNB
- Mengamalkan amalan jimat tenaga di rumah/pejabat (matikan peralatan tidak digunakan, guna lampu LED)
- Tetapkan suhu penghawa dingin yang optimum (sekitar 24°C)
- Pilih peralatan elektrik yang cekap tenaga (rating 4 atau 5 bintang)
- Pertimbangkan pilihan Tenaga Boleh Baharu seperti panel solar
- Manfaatkan skim Time of Use (ToU) dengan menggunakan elektrik pada waktu luar puncak

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN 21 (A86)

Minta dinyatakan apakah langkah segera dan strategi jangka panjang yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi krisis bekalan air susulan paras Sungai Benut dan Empangan Machap yang kritikal sehingga menjejaskan operasi Loji Rawatan Air Simpang Renggam.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat Benut, langkah segera yang telah diambil bagi membantu penyusutan paras Muka Sauk LRA Simpang Renggam adalah dengan mengadakan rundingan bersama pemilik kolam persendirian yang terletak di hulu Muka Sauk LRA Simpang Renggam bagi melaksanakan pemindahan air mentah dari kolam tersebut ke Sg. Benut. Sekiranya dipersetujui bersama, langkah ini akan dilaksanakan dalam masa terdekat dan merupakan langkah alternatif sekiranya paras Sg. Benut dan paras takungan Empangan Machap semakin menyusut.

Selain itu, Operasi Pembenihan Awan (OPA) juga telah dilaksanakan oleh pihak NADMA dan akan berterusan sehingga paras Empangan Machap kembali normal.

Sebagaimana maklum, LRA Simpang Renggam juga membekalkan air terawat kepada sebahagian daerah Pontian. Margin simpanan LRA Simpang Renggam sehingga Mac 2026 adalah sekitar 21.8% atau 13.95 JLH (Kapasiti LRA: 64 JLH manakala pengeluaran purata sehingga Mac 2026: 50.05 JLH).

Justeru itu, sebagai langkah jangka masa panjang, dengan kelulusan TAPS Sg. Pontian Besar (100 JLH) dan LRA Kayu Ara Pasong (30 JLH – Fasa 1), ianya dapat mengurangkan penyaluran bekalan air terawat kepada daerah Pontian dan seterusnya dapat mengkhususkan bekalan air terawat dari LRA Simpang Renggam kepada kawasan Simpang Renggam Sahaja.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

YB PUAN AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)

SOALAN 22 (A22)

Aktiviti pembinaan pesat di Taman Setia Eco Cascadia, Bandar Dato' Onn dan Taman Puteri Wangsa mencetuskan isu pencemaran habuk yang menjejaskan kesihatan rakyat. Mohon penjelasan tentang tindakan yang boleh diambil bagi mengatasi isu ini.

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Bagi menangani kes pencemaran habuk yang berpunca daripada projek pembangunan, tindakan penguatkuasaan dilaksanakan berdasarkan jenis kelulusan projek tersebut.

Bagi projek pembangunan yang tidak tertakluk kepada kelulusan laporan penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), tindakan penguatkuasaan adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan, dimana pemaju dan kontraktor yang menjalankan kerja tanah tanpa kawalan habuk mencukupi boleh dikenakan notis, kompaun, arahan henti kerja dan tindakan mahkamah kerana gagal mematuhi syarat kelulusan pelan kerja tanah atau syarat permit. Bagi projek pembangunan yang tertakluk kepada kelulusan laporan

EIA, Jabatan Alam Sekitar (JAS) boleh mengambil tindakan termasuklah pengeluaran Notis Arahan untuk pembaikan segera, tawaran kompaun, Perintah Berhenti Kerja (PBK), atau pendakwaan di mahkamah.

Terdapat 1 projek tertakluk kelulusan laporan EIA di sekitar Taman Setia Eco Cascadia iaitu: Cadangan Pembangunan Bercampur di atas lot PTD 84134 di Mukim Tebrau, Daerah Johor Bahru, Johor

Terdapat 1 projek tertakluk kelulusan laporan EIA di sekitar Bandar Dato' Onn iaitu: Proposed Housing Development on Lot of PTD 117031, Mukim Tebrau, Daerah Johor Bahru, Johor

Tiada projek tertakluk kelulusan laporan EIA di sekitar Taman Puteri Wangsa.

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) juga telah mengambil maklum dan memandang serius mengenai isu pencemaran habuk yang berpunca daripada aktiviti pembinaan di kawasan Taman Setia Eco Cascadia, Bandar Dato' Onn dan Taman Puteri Wangsa.

Bagi menangani isu ini, Jabatan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

1. Siasatan dan Pemeriksaan Tapak Bina

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

Susulan daripada isu yang dibangkitkan, Jabatan telah menjalankan siasatan di tapak projek berkaitan bagi mengenalpasti punca kegagalan kawalan habuk. Pemeriksaan difokuskan kepada pematuhan syarat-syarat Kelulusan Pelan Kerja Tanah yang telah ditetapkan oleh Majlis.

2. Arahan Tindakan Mitigasi Serta-Merta

Majlis telah mengeluarkan surat arahan tegas kepada pihak pemaju untuk melaksanakan langkah-langkah mitigasi habuk dengan kadar segera, antaranya:

i. Penyiraman Air secara Intensif: Mewajibkan penyiraman air dilakukan secara lebih kerap di laluan kenderaan berat dan kawasan tanah terdedah, terutamanya pada waktu cuaca panas bagi mengelakkan debu berterbangan.

ii. Pembersihan Jalan Utama: Memastikan sisa tanah yang dibawa keluar oleh kenderaan pembinaan dibersihkan serta-merta dari jalan awam agar tidak menjadi habuk apabila kering.

iii. Penyelenggaraan Kemudahan Cuci Tayar (wash bay): Memastikan setiap tapak bina mempunyai kemudahan wash bay yang berfungsi sepenuhnya bagi memastikan kebersihan kenderaan sebelum keluar dari tapak.

3. Tindakan Penguatkuasaan di Bawah Akta 133

Majlis akan terus memantau tahap pematuhan pihak pemaju terhadap arahan yang diberikan. Sekiranya didapati pihak pemaju masih gagal mengambil langkah kawalan yang sewajarnya, tindakan tegas akan diambil di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Ini termasuklah pengeluaran Kompaun dan Notis Amaran atau sekiranya pelanggaran serius boleh dikeluarkan Arahan Pemberhentian Kerja (Stop Work Order) sehingga langkah kawalan habuk yang memuaskan dilaksanakan.

4. Tanggungjawab Pemaju dan Perunding

Majlis ingin menegaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab pihak pemaju dan perunding yang dilantik untuk memastikan pengurusan tapak bina sentiasa berada dalam keadaan terbaik. Majlis akan memastikan pematuhan syarat-syarat teknikal sentiasa diutamakan bagi menjamin kesejahteraan dan kesihatan penduduk setempat.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**SOALAN 23 (A79)**

Bolehkah kerajaan negeri menjelaskan, memandangkan JKM kini hanya mengurus bekalan makanan di PPS, manakala bantuan bencana kecil dan peralatan asas tidak lagi di bawahnya, apakah mekanisme baharu yang menggantikannya serta cara rakyat mengakses bantuan itu dengan cepat dan teratur?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor sangat prihatin terhadap keperluan mangsa yang telah terlibat dengan bencana. Bagi memastikan kelancaran dalam penyampaian bantuan semasa bencana berlaku, JKM sentiasa memastikan keperluan barang bencana mencukupi untuk diagihkan semasa berkeperluan.

Pada tahun ini, peruntukan kerajaan negeri Johor bagi pengurusan bencana dan perolehan barang keperluan asas mangsa bencana telah diserahkan kepada Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan). Oleh yang demikian JKM tidak lagi menguruskan permohonan mangsa bencana yang melibatkan kemusnahan kecil namun bantuan makanan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) masih di bawah tanggungjawab JKM.

Sungguhpun begitu, peranan JKM masih lagi berfungsi dalam menjaga kebajikan mangsa. Antara perkhidmatan yang disalurkan oleh JKM adalah mendaftar mangsa di PPS dan mengagihkan barang keperluan bencana kepada mangsa yang terlibat mengikut kepada keperluan mangsa kerana JKM masih menerima peruntukan bagi pembelian barang keperluan mangsa bencana dari kerajaan persekutuan.. Selain itu, pengaktifan PPS atas sebab bencana sekali gus memberi tanggungjawab kepada JKM dalam menguruskan mangsa yang berada di PPS.

Dimaklumkan juga, JKM masih bertanggungjawab dalam menyediakan bantuan keperluan mangsa di PPS, antara bantuan yang diberikan adalah pemberian Kit Makanan Permulaan (refreshment kit dan makanan retort), penyediaan hygiene kit untuk kegunaan harian, toto, selimut, bantal, tikar, kain pelekat, kain batik, pampers untuk kanak-kanak dan lain-lain keperluan untuk mangsa termasuk barang keperluan tambahan bagi warga emas dan pesakit terlantar melibatkan lampin pakai buang, kerusi roda dan tilam. Bekalan makan minum mangsa seharian juga perlu dibekalkan dengan secukupnya.

Selain penyaluran bantuan berbentuk barangan kepada mangsa bencana, JKM juga ada menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada mangsa yang terlibat. Perkhidmatan ini akan dilaksanakan oleh Pegawai Kaunseling Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah sama ada semasa bencana berlaku atau perkhidmatan susulan selepas kejadian bencana berlaku.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**SOALAN 24 (A31)**

Berkali masalah berkaitan disiplin pelajar pihak Pejabat ADUN Skudai terima. Perincikan data berkenaan masalah gejala sosial, pergaduhan dan masalah lain yang berlaku di Johor dari tahun 2022 sehingga 2025.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Johor memandang serius setiap isu berkaitan disiplin murid termasuk gejala sosial, pergaduhan serta salah laku lain di sekolah. Perkara ini sentiasa diberi perhatian kerana ia melibatkan keselamatan, kesejahteraan dan masa depan generasi anak Johor.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, data kes disiplin yang direkodkan bagi tempoh tahun 2022 hingga 2025 melalui Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) Kementerian Pendidikan adalah seperti berikut:

Kes Buli

- 2022 : 714 kes
- 2023 : 1,139 kes
- 2024 : 1,081 kes
- 2025 : 543 kes

Tingkah Laku Jenayah

- 2022 : 910 kes
- 2023 : 1,335 kes
- 2024 : 1,579 kes
- 2025 : 486 kes

Tingkah Laku Lucah

- 2022 : 825 kes
- 2023 : 1,169 kes
- 2024 : 1,172 kes
- 2025 : 99 kes

Salah Laku Rokok dan Vape

- 2022 : 2,631 kes
- 2023 : 3,271 kes
- 2024 : 3,762 kes
- 2025 : 1,097 kes

Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan kes dari tahun 2022 hingga 2024, namun trend tahun 2025 menunjukkan penurunan yang signifikan bagi kebanyakan kategori. Ini mencerminkan keberkesanan intervensi yang telah dan sedang

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri bersama Jabatan Pendidikan Negeri, sekolah serta agensi berkaitan.

Antara langkah utama yang telah dilaksanakan termasuk:

- Pengukuhan program intervensi disiplin dan sahsiah murid secara berfokus di sekolah 'hotspot'
- Pelaksanaan pendekatan ARMOR Disiplin (Advokasi, Responsif, Moral dan Organisasi) sebagai kerangka reformasi disiplin murid di Johor
- Pengukuhan kolaborasi strategik bersama Polis Diraja Malaysia, agensi kerajaan serta komuniti setempat
- Perneriksaan peranan kaunselor, guru disiplin dan kepimpinan sekolah dalam tindakan pencegahan dan pemulihan
- Pelaksanaan program advokasi seperti Kempen Sekolah Selamat dan pembangunan karakter murid

Kerajaan Negeri ingin menegaskan bahawa pendekatan kita bukan semata-mata bersifat menghukum, tetapi lebih kepada mendidik, mencegah dan memulihkan agar murid dapat dibimbing kembali ke landasan yang betul. Dalam masa yang sama, kita juga melihat isu ini sebagai tanggungjawab bersama yang memerlukan penglibatan ibu bapa, komuniti dan semua pihak. Justeru, pendekatan "whole-of-society" terus diperkukuh bagi memastikan persekitaran yang selamat dan kondusif untuk anak-anak Johor.

Sebagai komitmen berterusan, Kerajaan Negeri akan terus memperkasa dasar, intervensi dan pemantauan supaya isu disiplin ini dapat dikawal dengan lebih berkesan, seterusnya melahirkan generasi Johor yang berakhlak, berdisiplin dan berdaya saing.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN 25 (A62)

Bagaimana agihan peruntukan penyelenggaraan dan pembinaan fasiliti sukan komuniti di kawasan bandar dan kampung tradisi seperti di DUN Gambir mengikut bajet tahunan negeri?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Untuk makluman Yang Berhormat, agihan peruntukan bagi penyelenggaraan dan pembinaan fasiliti sukan komuniti di peringkat negeri adalah ditentukan oleh Kerajaan Negeri Johor berdasarkan keutamaan dalam bajet tahunan negeri, dengan mengambil kira keperluan setempat, tahap penggunaan fasiliti serta keseimbangan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar termasuk kampung tradisi seperti di DUN Gambir.

Keutamaan lazimnya diberikan kepada fasiliti yang uzur, memerlukan perhatian segera dari aspek keselamatan, serta berpotensi memberi impak tinggi kepada penyertaan komuniti dalam aktiviti sukan dan rekreasi.

Di peringkat Persekutuan, Kementerian Belia dan Sukan berperanan sebagai pelengkap kepada usaha Kerajaan Negeri melalui pertimbangan permohonan projek yang dikemukakan. Pertimbangan ini meliputi aspek pematuhan syarat pemilikan tanah sama ada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) atau yang telah diwartakan untuk kegunaan Persekutuan, kesediaan projek termasuk skop dan reka bentuk, serta keutamaan program pembangunan sukan negara.

Selain itu, Kementerian turut menilai impak projek kepada komuniti setempat, tahap aksesibiliti kemudahan, serta potensi meningkatkan penyertaan belia dan masyarakat dalam aktiviti sukan secara inklusif.

Walau bagaimanapun, kelulusan pelaksanaan adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa Kerajaan dan siling peruntukan yang diluluskan kepada Kementerian dalam sesuatu Rolling Plan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)

SOALAN 26 (A93)

Adakah keputusan SPM tahun 2026 bagi pelajar yang mengambil matapelajaran sains tulen (STEM A) meningkat berbanding tahun lepas?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) sentiasa komited dalam usaha meningkatkan penyertaan murid dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), selaras dengan aspirasi Dasar 60:40 Sains/Teknikal:Sastera.

Berdasarkan analisis data bagi tahun 2026, secara keseluruhannya terdapat peningkatan yang memberangsangkan dalam kualiti pencapaian pelajar bagi aliran Sains Tulen di negeri ini berbanding tahun 2025.

Pengecilan nilai Gred Purata Mata Pelajaran menunjukkan prestasi yang lebih baik. Trend bagi mata pelajaran utama adalah seperti berikut:

Mata Pelajaran	GPMP 2025
MATEMATIK	4.83
MATEMATIK TAMBAHAN	5.31
FIZIK	3.80
KIMIA	4.26
BIOLOGI	3.94

Ini membuktikan bahawa inisiatif pemantapan STEM di peringkat sekolah membuahkan hasil yang positif.

Peningkatan ini disumbangkan oleh beberapa faktor utama yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri:

- **Program Intervensi Berfokus:** Pelaksanaan bengkel teknik menjawab soalan yang lebih strategik bagi subjek kritikal seperti Kimia dan Matematik Tambahan.
- **Penggunaan Teknologi Digital:** Integrasi modul pembelajaran berasaskan AI dan simulasi makmal maya yang membantu kefahaman konsep abstrak dalam subjek Fizik dan Biologi.
- **Kestabilan Emosi Pelajar:** Program sokongan psikososial yang lebih mantap pasca-pandemik telah membantu pelajar fokus sepenuhnya terhadap persediaan peperiksaan.

Pihak Kerajaan Negeri komited untuk terus menyokong agenda STEM bagi memastikan modal insan yang dilahirkan memenuhi keperluan industri teknologi tinggi di Johor, selaras dengan visi Johor Maju 2030.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)

SOALAN 27 (A38)

Dengan jumlah projek pembinaan berskala besar termasuk pembangunan pusat data yang semakin meningkat, nyatakan tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap syarikat pembinaan yang gagal mematuhi garis panduan yang ditetapkan dan senaraikan syarikat yang telah diambil tindakan.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Dalam kehairahan kita memacu Johor sebagai kuasa ekonomi baharu negara khususnya dengan kemasukan pelaburan berskala besar termasuk pembangunan pusat data Kerajaan Negeri ingin menegaskan satu prinsip yang tidak boleh dikompromi: pembangunan mesti berdisiplin, dan setiap pemaju wajib patuh kepada undang-undang.

Kerajaan Negeri melalui semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melaksanakan penguatkuasaan secara menyeluruh dan bersepadu terhadap mana-mana syarikat yang gagal mematuhi syarat kelulusan. Tindakan ini merangkumi keseluruhan spektrum daripada notis amaran dan arahan pembetulan dalam tempoh tertentu, sehinggalah kompaun, arahan henti kerja (Stop Work Order), notis perobohan, penalti kewangan, penarikan balik kelulusan dan tindakan mahkamah bagi kes yang serius atau berulang.

Penguatkuasaan ini dilaksanakan di bawah Akta 133, Akta 172 dan Akta 171 serta undang-undang kecil berkaitan, dengan fokus terhadap kesalahan kritikal seperti pembinaan tanpa kelulusan, pelanggaran pelan diluluskan, kegagalan kawalan hakisan dan kelodak (ESCP), jalan kotor serta kejadian banjir lumpur yang memberi kesan langsung kepada rakyat.

Saya ingin tegaskan di Dewan yang mulia ini tindakan ini bukan sekadar prosedur. Ia adalah tindakan yang tegas, berani dan berpihak kepada rakyat. Malah, atas arahan saya sendiri sebagai Exco, beberapa projek telah dikenakan tindakan tanpa kompromi apabila didapati menjejaskan kesejahteraan awam.

Sebagai contoh, di kawasan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri pada tahun lalu, tindakan henti kerja dan notis telah dikenakan terhadap projek melibatkan Pembangunan pusat data yang didapati tiada kelulusan serta menyebabkan kacau ganggu kepada persekitaran. Ini membuktikan bahawa walaupun projek berteknologi tinggi, undang-undang tetap dikuatkuasakan dengan tegas.

Di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru pada 21 April 2026, tindakan tegas telah diambil terhadap pemaju yang menjalankan kerja tanah tanpa pematuhan sehingga mengakibatkan kejadian banjir dan limpahan lumpur yang memberi kesan kepada

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

kawasan sekitar. Arahan henti kerja telah dikeluarkan serta-merta — ini adalah mesej jelas bahawa sebarang kecuaiian yang menjejaskan rakyat tidak akan dimaafkan.

Manakala di kawasan Majlis Perbandaran Kulai pada 21 April lalu, tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan terhadap projek melibatkan Kawasan industri yang didapati mengakibatkan bencana banjir kilat. Kompaun dan tindakan undang-undang telah diambil sebagai peringatan tegas bahawa setiap pembangunan mesti melalui proses yang sah dan teratur.

Kesemua ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan di Negeri Johor bukan bersifat selektif, tetapi dilaksanakan secara konsisten di semua peringkat sama ada di bandar raya mahupun di kawasan perbandaran. Pemantauan juga diperkukuh melalui lawatan tapak berkala dan penggunaan teknologi seperti dron bagi memastikan pematuhan berterusan.

Izinkan saya akhiri dengan satu pendirian yang jelas, Johor bukan sekadar mengejar pembangunan, tetapi Johor memastikan pembangunan itu bertanggungjawab. Pelabur dialu-alukan, pemaju disokong, tetapi undang-undang tetap ditegakkan. Kerana bagi Kerajaan Negeri, rakyat tidak boleh menjadi mangsa kepada pembangunan yang tidak berdisiplin.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN 28 (A59)

Kawasan pinggir bandar dan kampung di Gambir masih berdepan masalah 'dead zones' atau capaian 4G/5G yang tidak stabil. Apakah langkah proaktif yang akan dilaksanakan oleh kerajaan dalam mengatasi isu ini?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) komited dalam menambah baik perkhidmatan komunikasi dan internet di kawasan luar bandar bagi mengurangkan jurang digital antara bandar, pinggir bandar dan luar bandar di Gambir, melalui inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

MCMC sentiasa fokus kepada usaha memperluaskan liputan serta meningkatkan kesalinghubungan negara melalui pelaksanaan projek JENDELA Fasa 1 dan Fasa 2 serta inisiatif berimpak tinggi yang melibatkan tujuh (7) kawasan tumpuan yang merangkumi lebuh raya, universiti awam, hospital, kawasan penganjuran acara, kawasan pelancongan, stadium serta kawasan penempatan ketenteraan, dengan kerjasama Pemberi Perkhidmatan Rangkaian Mudah Alih. Pendekatan ini selaras dengan aspirasi negara untuk menyediakan akses Internet yang menyeluruh dan berkualiti, khususnya di kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan.

Setakat 31 Mac 2026, pelaksanaan inisiatif Pelan JENDELA di DUN Gambir adalah seperti berikut:

- i. 3 menara pemancar telekomunikasi telah siap dan beroperasi dengan rangkaian 4G manakala 6 menara masih dalam peringkat pelaksanaan;
- ii. 9,808 premis telah tersedia dengan capaian gentian optik; dan
- iii. bagi rangkaian 5G, sebanyak 4 tapak pemancar 5G telah dibina oleh Digital Nasional Berhad, manakala 4 tapak lagi telah dinaik taraf kepada liputan 5G oleh U Mobile Sdn. Bhd.

Selain itu, Kementerian Komunikasi sedang melaksanakan peluasan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi di sekolah-sekolah menerusi pembinaan rangkaian Hab Gentian Optik Point of Presence (PoP) di seluruh negara termasuk di DUN Gambir. Setakat 25 April 2026, sebanyak 16 projek PoP telah berjaya disiapkan manakala 2 projek PoP masih dalam pelaksanaan di DUN Gambir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MCMC juga sedang aktif memantau status projek Kerajaan di bawah projek JENDELA bagi memastikan kesemua perancangan yang sedang dilaksanakan akan siap dan beroperasi secara berperingkat sehingga penghujung tahun 2026. Ini adalah selaras dengan penjadualan semula pelaksanaan projek yang dipersetujui bersama pihak Pemberi Perkhidmatan, susulan keperluan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

penyesuaian terhadap kadar caj dan fi perkhidmatan telekomunikasi di Negeri Johor yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026. MCMC bersama pihak berkepentingan terus mengambil langkah yang bersesuaian bagi meminimumkan impak serta memastikan kelancaran pelaksanaan projek.

Peluasan liputan 5G ke kawasan luar bandar termasuk DUN Gambir akan dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan keperluan dan kesediaan infrastruktur. Ini selaras dengan aspirasi Kerajaan dalam memperkasa infrastruktur komunikasi melalui Pembentangan Rancangan Malaysia Ke-13 yang menetapkan sasaran untuk mencapai 98% liputan 5G di kawasan berpenduduk dan kawasan perindustrian termasuk kawasan desa menjelang tahun 2030.

Dalam usaha untuk merapatkan jurang digital dengan meningkatkan kebolehcapaian internet untuk semua rakyat Malaysia, MCMC turut menyediakan capaian internet secara kolektif menerusi 1,099 rangkaian Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) di seluruh negara. Di bawah inisiatif 1 DUN 1 NADI, Kerajaan melalui MCMC memastikan agar sekurang-kurangnya terdapat sebuah NADI di setiap kawasan DUN untuk dimanfaatkan sepenuhnya oleh komuniti setempat. Di Negeri Johor, kini terdapat 101 Pusat NADI yang telah beroperasi sepenuhnya.

Untuk makluman, terdapat dua (2) Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) di DUN Gambir iaitu NADI Kampung Parit Haji Idris dan NADI Pekan Sagil. Komuniti setempat adalah dialu-alukan untuk memanfaatkan capaian internet dan kemudahan di NADI berkenaan. Selain itu, bagi membantu memperkasakan komuniti di sekitar NADI, MCMC telah memperkenalkan Inisiatif Perkhidmatan Pintar yang bertujuan menyediakan pelbagai program latihan dan kesedaran untuk membantu merapatkan jurang komunikasi, pengetahuan dan sosio-ekonomi dalam kalangan komuniti di sekitar NADI. Inisiatif ini berpaksikan 5 teras utama iaitu Keusahawanan, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kesejahteraan Kendiri, Kesedaran dan Inisiatif Kerajaan.

Dengan adanya infrastruktur dan kemudahan komunikasi sedia ada serta yang sedang dirancang, penduduk DUN Gambir boleh memanfaatkan sepenuhnya untuk merencanakan pembangunan ekonomi setempat dan menyahut seruan Kerajaan ke arah pembangunan ekonomi digital. Orang awam juga boleh merujuk kepada portal JENDELA Map di <https://jendela.my> yang dibangunkan oleh MCMC bagi mendapatkan maklumat liputan berdasarkan lokasi sebenar termasuk liputan 4G, 5G dan jalur lebar talian tetap.

MCMC juga telah melaksanakan siri ujian kualiti perkhidmatan rangkaian mudah alih di beberapa lokasi strategik sekitar DUN Gambir. Pelaksanaan ujian ini bukan bersifat sekali gus, sebaliknya dirancang dan dilaksanakan secara berterusan sebagai langkah proaktif bagi memastikan prestasi rangkaian sentiasa berada pada tahap optimum serta mematuhi Standard Mandatori Kualiti Perkhidmatan (MSQoS) yang

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

telah ditetapkan. Usaha ini mencerminkan komitmen dan tanggungjawab berterusan MCMC dalam memantau, menilai dan memastikan tahap pengalaman kualiti pengguna yang baik di lapangan.

Hasil daripada siri pengujian tersebut, MCMC telah mengenal pasti beberapa kawasan yang berdepan dengan isu liputan internet serta prestasi rangkaian yang kurang memuaskan. Sehubungan itu, pihak Pemberi Perkhidmatan berkaitan telah dimaklumkan secara rasmi dan diarahkan supaya melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan rangkaian yang sewajarnya, selaras dengan peruntukan serta kuasa pengawalseliaan yang diperuntukkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Inisiatif ini melibatkan pelbagai pelarasan teknikal dan kajian menyeluruh terhadap keperluan pembinaan menara baharu sebagai langkah strategik untuk meningkatkan kestabilan serta kebolehpercayaan perkhidmatan rangkaian 4G dan 5G demi kesejahteraan penduduk setempat.

Selain itu, sebagai langkah proaktif, aplikasi MCMC NEXUS telah dilancarkan bagi membolehkan penilaian kualiti rangkaian dibuat secara masa nyata (*real-time*). MCMC NEXUS merupakan satu aplikasi mudah alih yang dibangunkan oleh MCMC bagi membantu pengguna mengukur, memantau dan menilai kualiti perkhidmatan internet di Malaysia secara telus dan berasaskan data. Aplikasi ini membolehkan pengguna menjalankan ujian prestasi rangkaian seperti kelajuan muat turun, muat naik, kelajuan tindak balas rangkaian dan kestabilan sambungan bagi rangkaian 4G, 5G serta Wi-Fi. Aplikasi MCMC NEXUS ini memberi gambaran sebenar pengalaman sambungan internet yang diterima oleh pengguna. Data ini akan membantu MCMC dan Pemberi Perkhidmatan mengenal pasti kawasan yang memerlukan penambahbaikan dan menjalankan langkah-langkah yang sewajarnya.

Bagi memastikan kualiti perkhidmatan komunikasi di DUN Gambir sentiasa berada di tahap yang baik, MCMC juga turut menyediakan saluran untuk pengguna mengemukakan aduan berkaitan isu liputan internet atau kualiti perkhidmatan menerusi pautan <https://aduan.mcmc.gov.my> yang kemudiannya akan disalurkan kepada Pemberi Perkhidmatan untuk tindakan lanjut.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN 29 (A51)

Apakah peratus liputan semasa 4G dan 5G di Bukit Nanning dan Daerah Muar setakat 2025? Berapakah jumlah menara telekomunikasi yang telah dibina atau dinaiktaraf, serta kawasan yang masih mengalami liputan lemah? Apakah pelan penambahbaikan bagi memastikan capaian stabil dan berkualiti?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) komited untuk menambah baik liputan internet dan komunikasi di Negeri Johor termasuk di DUN Bukit Nanning dan Daerah Muar, melalui inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

MCMC sentiasa fokus kepada usaha memperluaskan liputan serta meningkatkan kesalinghubungan negara melalui pelaksanaan projek JENDELA Fasa 1 dan Fasa 2 serta inisiatif berimpak tinggi yang melibatkan tujuh (7) kawasan tumpuan yang merangkumi lebuhraya, universiti awam, hospital, kawasan penganjuran acara, kawasan pelancongan, stadium serta kawasan penempatan ketenteraan, dengan kerjasama Pemberi Perkhidmatan Rangkaian Mudah Alih. Pendekatan ini selaras dengan aspirasi negara untuk menyediakan akses Internet yang menyeluruh dan berkualiti, khususnya di kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan.

Setakat 31 Mac 2026, pelaksanaan inisiatif Pelan JENDELA di DUN Bukit Nanning adalah seperti berikut:

- a. kadar liputan internet 4G di kawasan berpenduduk telah mencapai 100%, manakala liputan internet 5G di kawasan berpenduduk telah mencapai 82.3%;
- b. sebanyak dua (2) buah menara baharu telah siap dan beroperasi serta telah memanfaatkan penduduk di kawasan Bukit Bakri dan Kg. Sri Dalam manakala satu (1) menara masih dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap pada suku ketiga tahun 2026 (Rujuk Lampiran);
- c. kesemua 71 stesen pemancar sedia ada telah siap dinaik taraf kepada rangkaian 4G; dan
- d. kesemua 13 infrastruktur 5G telah siap dan beroperasi dalam kawasan DUN Bukit Nanning.

MCMC juga sedang aktif memantau status projek Kerajaan di bawah projek JENDELA bagi memastikan kesemua perancangan yang sedang dilaksanakan akan siap dan beroperasi secara berperingkat sehingga penghujung tahun 2026. Ini adalah selaras dengan penjadualan semula pelaksanaan projek yang dipersetujui bersama pihak Pemberi Perkhidmatan, susulan keperluan penyesuaian terhadap kadar caj dan fi

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

perkhidmatan telekomunikasi di Negeri Johor yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

Sepanjang tahun 2025 sehingga 9 Mac 2026, sebanyak 2 lokasi di DUN Bukit Naning telah diaudit. Hasil daripada audit tersebut satu (1) notis pematuhan telah dikeluarkan kepada Pemberi Perkhidmatan di bawah subseksyen 51(2) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] berikutan ketidakpatuhan terhadap MSQoS. Notis pematuhan ini dikeluarkan bagi mendapatkan pelan penambahbaikan daripada Pemberi Perkhidmatan sebelum Arahan Suruhanjaya dikeluarkan bagi memastikan Pemberi Perkhidmatan mematuhi undang-undang, lesen dan standard yang telah ditetapkan.

Dalam usaha untuk merapatkan jurang digital dengan meningkatkan kebolehcapaian internet untuk semua rakyat Malaysia, MCMC turut menyediakan capaian internet secara kolektif menerusi 1,099 rangkaian Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) di seluruh negara. Di bawah inisiatif 1 DUN 1 NADI, Kerajaan melalui MCMC memastikan agar sekurang-kurangnya terdapat sebuah NADI di setiap kawasan DUN untuk dimanfaatkan sepenuhnya oleh komuniti setempat. Di Negeri Johor, kini terdapat 101 Pusat NADI yang telah beroperasi sepenuhnya.

Untuk makluman, terdapat 1 NADI di DUN Bukit Naning iaitu NADI Kompleks Penghulu Ayer Hitam. Komuniti setempat adalah dialu-alukan untuk memanfaatkan capaian internet dan kemudahan di NADI berkenaan. Selain itu, bagi membantu memperkasakan komuniti di sekitar NADI, MCMC telah memperkenalkan Inisiatif Perkhidmatan Pintar yang bertujuan menyediakan pelbagai program latihan dan kesedaran untuk membantu merapatkan jurang komunikasi, pengetahuan dan sosio-ekonomi dalam kalangan komuniti di sekitar NADI. Inisiatif ini berpaksikan 5 teras utama iaitu Keusahawanan, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kesejahteraan Kendiri, Kesedaran dan Inisiatif Kerajaan.

Bagi meneruskan usaha memperluas liputan internet ke kawasan luar bandar pada 31 Mac 2026, MCMC telah mengeluarkan pelawaan penyerahan draf Pelan Pelaksanaan Projek JENDELA Fasa 2 (Kumpulan 1) untuk memperkukuhkan kesalinghubungan di seluruh negara termasuk Negeri Johor.

Pelaksanaan JENDELA Fasa 2 ini merangkumi pendekatan bersesuaian (*fit-for-purpose*) termasuk penyediaan perkhidmatan selular awam bagi 4G dan 5G (berdasarkan kesesuaian), penyelesaian Wi-Fi melalui sambungan satelit, serta pelaksanaan, dengan izin, *Neutral Host Platform* buat julung kalinya. Platform ini membolehkan pengguna mengakses rangkaian Wi-Fi dengan menggunakan pelan data mudah alih sedia ada daripada pengendali rangkaian masing-masing, sekali gus menambahbaik pengalaman pengguna untuk melayari internet dengan mudah.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

Dengan adanya infrastruktur dan kemudahan telekomunikasi yang telah sedia ada serta yang sedang dirancang, penduduk di DUN Bukit Naning boleh memanfaatkan sepenuhnya kemudahan-kemudahan ini untuk merencanakan pembangunan ekonomi setempat dan menyahut seruan Kerajaan ke arah pembangunan ekonomi digital. Orang awam juga boleh merujuk kepada portal JENDELA Map di <https://jendela.my> yang dibangunkan oleh MCMC bagi mendapatkan maklumat liputan berdasarkan lokasi sebenar termasuk liputan 4G, 5G dan jalur lebar talian tetap.

Selain itu, sebagai langkah pemerkasaan pengguna, orang ramai adalah digalakkan untuk memuat turun aplikasi mudah alih MCMC NEXUS. MCMC NEXUS merupakan satu aplikasi mudah alih yang dibangunkan oleh MCMC bagi membantu pengguna mengukur, memantau dan menilai kualiti perkhidmatan internet di Malaysia secara telus dan berasaskan data. Aplikasi ini membolehkan pengguna menjalankan ujian prestasi rangkaian seperti kelajuan muat turun, muat naik, kelajuan tindak balas rangkaian dan kestabilan sambungan bagi rangkaian 4G, 5G serta Wi-Fi. Aplikasi MCMC NEXUS ini memberi gambaran sebenar pengalaman sambungan internet yang diterima oleh pengguna. Maklumat yang dikumpul melalui aplikasi ini amat penting bagi membantu MCMC dan Pemberi Perkhidmatan mengenal pasti serta menangani kawasan liputan lemah dengan lebih pantas dan berkesan.

Bagi memastikan kualiti perkhidmatan telekomunikasi di DUN Bukit Naning sentiasa berada pada tahap yang terbaik, MCMC juga turut menyediakan saluran untuk pengguna mengemukakan aduan berkaitan liputan internet atau kualiti perkhidmatan menerusi pautan <https://aduan.mcmc.gov.my> yang kemudiannya akan disalurkan kepada Pemberi Perkhidmatan untuk tindakan lanjut.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 5 MEI 2026**

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)

SOALAN 30 (A82)

Bolehkah kerajaan negeri menjelaskan status terkini permohonan lampu jalan kampung di DUN Pekan Nanas yang telah diangkat ke Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, memandangkan makluman pemasangan didapati kebanyakannya hanya melibatkan lampu sedia ada, sedangkan kawasan kritikal masih memerlukan lampu baharu?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 69,191 unit LJK telah dipasang di seluruh Negeri Johor. Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2025, sebanyak 377 unit lampu jalan kampung (LJK) jenis LED telah dipasang secara berfasa di kawasan DUN Pekan Nanas.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengakui masih terdapat beberapa lokasi kritikal yang memerlukan pemasangan lampu jalan kampung baharu, khususnya di kawasan berisiko tinggi kemalangan serta kurang pencahayaan.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah, KKDW dan agensi berkaitan sentiasa melaksanakan pemantauan serta pengesanan di lapangan bagi memastikan keutamaan diberikan kepada kawasan yang benar-benar memerlukan, dengan mengambil kira faktor keselamatan, kepadatan penduduk serta tahap risiko kemalangan. Pendekatan ini penting bagi memastikan setiap permohonan yang diangkat dapat dipertimbangkan secara berfasa dan lebih bersasar.